

# 'Daftar pemandu e-hailing'

→ Elak operasi seperti teksi sapu atau 'ulat'

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof, Luqman Arif Abdul Karim, Nor Fazlina Abdul Rahim dan Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor  
cnews@nsp.com.my

Kuala Lumpur

**K**ementerian Pengangkutan wajar mewajibkan pemandu perkhidmatan e-hailing berdaftar bagi mengelak operasinya tidak ubah seperti teksi sapu atau 'ulat'.

Persatuan Pengusaha Teksi Wilayah Persekutuan dan Selangor, Datuk Aslah Abdullah, berkata kegagalan mendaftar memungkinkan apa juga kendaraan digunakan untuk mengambil penumpang.

Katanya, ia berbeza dengan syarat utama teksi ialah kendaraan dengan kuasa 1.5 ke atas


saja dibenarkan beroperasi.

"Jika kerajaan mewajibkan teksi berdaftar, kenapa tidak pemandu perkhidmatan e-hailing yang tidak ada bezaanya dengan teksi sapu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Aslah turut menyatakan kesalan kerana kerajaan didakwa tidak memantau caj tambang dikenakan e-hailing yang nyata lebih rendah berbanding perkhidmatan teksi.

"Secara purata, caj dikenakan teksi bermula RM3 dan e-hailing adalah RM2. Perbezaan harga ini tidak seharusnya dibiarkan kerana walaupun nampak lebih rendah, tetapi pada waktu tertentu seperti waktu sesak, kadar dikenakan boleh jadi lebih tinggi tanpa daripada teksi bermeter," katanya.

**Dakwa Grab menyalahi akta**  
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pemandu Teksi Lembah Klang, Zailani Isausuludin, berkata isu berkenaan dibangkitkan pemandu teksi kerana tatacara dan pengendalian Grab



menyalahi Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Lesen Kenderaan Motor (LKM).

Katanya, ia berikutan kenderaan persendirian digunakan sebagai kenderaan awam.

"Bagaimana orang awam boleh menjadi pemandu dengan mudah kerana kalau betul, pamerkan kad pemandu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah Jaringan Industri dan Masyarakat) Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata kerajaan perlu melakukan perbincangan antara Grab, wakil persatuan teksi dan persatuan pengguna dalam menyelesaikan kemelut berkenaan.

Beliau yang juga EXCO Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA) berkata, perbezaan kadar caj Grab dan teksi bukan persaingan sihat kerana boleh bertukar kepada monopoli apabila ramai dalam kalangan pemandu teksi hilang sumber pendapatan.

**Zailani Isausuludin,**  
Pengerusi Jawatankuasa  
Bertindak Pemandu Teksi  
Lembah Klang